

**Najib Lancar Buku 1Malaysia 'Cabinet: Reflecting On Cabinet Governing'
Bernama
6 Januari , 2012**

RAWANG, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat melancarkan buku bertajuk "1Malaysia Cabinet: Reflecting on Cabinet Governing", karya Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Buku itu yang memaparkan sejarah awal sistem Kabinet di Semenanjung Tanah Melayu kepada sistem pentadbiran kerajaan, merupakan susulan kepada buku "Cabinet Governing in Malaysia" yang diterbitkan pada 2009.

Rais dalam ucapannya ketika memperkenalkan buku itu pada majlis pelancaran Program Komuniti 1Malaysia (K1M) di Padang Jalan Kantan, Bukit Sentosa di sini, berkata pelancaran itu memberi nostalgia kepada dirinya kerana buku terdahulu juga dilancarkan Najib, yang ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri.

Menggunakan nama pena Dasury, Rais berharap buku itu dapat diterjemahkan yang kemudiannya diserap dalam semangat 1Malaysia, digilap dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Buku setebal 545 muka surat itu menjelaskan mengenai Parlimen, bidang-bidang eksekutif, perundangan, kehakiman dan perkhidmatan awam, diterbitkan bersempena dengan sambutan kemerdekaan ke-54 dan Hari Malaysia.

Rais berkata buku itu amat sesuai dijadikan koleksi atau sumber rujukan oleh ahli politik serta masyarakat keseluruhannya.

Perdana Menteri pada majlis itu turut menyampaikan anugerah kepada K1M Mukim 4, Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor yang muncul sebagai Johan pertandingan K1M peringkat kebangsaan, sekaligus membawa pulang wang tunai berjumlah RM10,000, piala dan sijil.

Tempat kedua disandang K1M Mukim Rungkup, Teluk Intan, Perak dan K1M Sinulihan, Keningau, Sabah di tempat ketiga, masing-masing memenangi RM7,000 dan RM4,000 beserta piala iringan dan sijil.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Anggota Parlimen Hulu Selangor P Kamalanathan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638409>